

**KAWASAN PEMULIHARAAN DAN LALUAN WARISAN DI BANDARAYA  
IPOH**

Oleh

**CHE WAN MOHD AFANDY BIN C W MOHD  
MOHD EZANIE BIN ISMAIL**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH  
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)  
SERI ISKANDAR**

**APRIL 2011**

## ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini ialah untuk mengkaji laluan dan bangunan – bangunan warisan di Bandaraya Ipoh. Pemuliharaan warisan di sesuatu bandar bukan hanya pemuliharaan bangunan sahaja tetapi ia juga merangkumi pemuliharaan kawasan persekitaran agar menjadi sebuah kawasan warisan. Kajian dibuat berdasarkan kepada isu dan masalah yang terdapat di dalam kawasan kajian iaitu penetapan sempadan kawasan warisan yang kurang jelas, penomboran bangunan warisan yang tidak mengikut kriteria kepentingan bangunan seperti usia dan tarikan serta laluan warisan yang sistematik kepada pelancong. Dalam kajian ini, pemuliharaan dibuat terhadap bangunan, monumen, kelompok bangunan bersejarah dan penyenaian profil bangunan tersebut bagi mengetahui usia atau tahun dibina serta kegunaan bangunan dan lokasi kedudukan setiap bangunan. Selain itu, memetakan laluan lawatan juga dibuat bagi memberi kemudahan dan pengetahuan kepada pelawat terutama pelancong luar tentang laluan mana yang akan digunakan semasa lawatan kawasan warisan dibuat. Penomboran bangunan ialah untuk membuat penomboran yang betul berdasarkan usia bangunan tersebut. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah seperti kaedah inventori dan profil bangunan iaitu dengan menentukan lokasi dan keadaan bangunan warisan dengan merujuk profil bangunan. Selain itu, kaedah pengamatan juga telah digunakan dengan membuat pengamatan terhadap jalan – jalan yang mempunyai bangunan warisan di sebelah serta berpotensi untuk dijadikan sebagai laluan pergerakan pelawat. Penemuan yang diperolehi daripada kajian ialah penomboran bangunan dan juga pelan jejak warisan. Penomboran bangunan merujuk kepada terdapatnya nombor pada setiap bangunan warisan bagi mengetahui lokasi serta tahap keistimewaan bangunan tersebut. Analisis bagi penemuan ini dibuat berdasarkan kepada usia atau tahun dibina dan juga keistimewaan. Ia tidak berdasarkan lokasi serta jarak dari pintu masuk utama. Manakala, pelan jejak warisan merujuk kepada laluan yang akan digunakan oleh pelawat dalam membuat lawatan terhadap bangunan – bangunan warisan yang terdapat dalam pelan jejak warisan. Pelan jejak warisan dibuat dengan mengambil kira keselesaan pelawat serta tidak akan membazirkan masa pelawat semasa lawatan dibuat. Secara keseluruhan, hasil kajian diharap dapat memudahkan mana – mana pihak yang terlibat terutama pihak berkuasa dalam menentukan pengurusan serta perancangan pemuliharaan yang sesuai dan teratur.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah puji dan syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat disiapkan dengan jayanya kajian ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Setelah kajian ini telah terlaksana, maka syarat bagi menerima segulung Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah telah dipenuhi.

Sehubungan dengan itu, jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Siti Norlizaiha Harun sebagai penyelia yang telah banyak membimbing serta memberikan tunjuk ajar yang sepenuhnya di dalam menyiapkan kajian ini. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Dr. Mohd Fadzil Abdul Rassid selaku Koordinator Kajian Akhir dan juga Prof. Madya Mohamed Noor Mohid sebagai Ketua Program Perancangan Bandar Dan Wilayah serta pensyarah – pensyarah di dalam Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada ibu bapa yang telah banyak membantu terutama di dalam memberi sokongan moral yang tidak terhingga sepanjang penyediaan kajian akhir ini. Penghargaan ini turut diberikan kepada para pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Ipoh yang turut sudi membantu terutama di dalam memberi maklumat yang berguna dan membantu dalam menyiapkan kajian ini. Hanya Allah S.W.T dapat membalas jasa dan budi anda semua.

<b>Abstrak</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>ii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>iii</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>viii</b>
<b>Senarai Lampiran</b>	<b>x</b>
<b>Senarai Singkat Kata</b>	<b>x</b>

## **ISI KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Isu Dan Masalah	2
1.3	Matlamat Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Methodologi Kajian	5
1.7	Kepentingan Kajian	10
<b>BAB 2.0</b>	<b>PEMULIHARAAN KAWASAN WARISAN DI DALAM BANDAR</b>	<b>11</b>
2.1	Pengenalan	11
2.2	Definisi	11
2.2.1	Definisi Pemuliharaan	11
2.2.2	Definisi Pemuliharaan Bandar	12
2.2.3	Definisi Warisan	12
2.2.4	Definisi Perlancongan Warisan	13
2.3	Kategori Pemuliharaan	13
2.3.1	Jenis – Jenis Kategori Pemuliharaan	13
2.4	Pemuliharaan Bandar	17
2.4.1	Ulasan Dari Penyelidik Terdahulu	17

## **BAB 1.0**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pemuliharaan merupakan satu bidang yang pelbagai iaitu merangkumi pemuliharaan bangunan bersejarah, monumen, kawasan Bandar, aspek sosio-ekonomi, budaya dan tapak sejarah. Dalam melakukan pemuliharaan ini ia memerlukan pengetahuan dan kefahaman yang luas dalam bidang ini. Secara praktiknya, ia melibatkan pakar dalam pelbagai bidang dan professional termasuk akitek, jurukur bahan, kontraktor bangunan, perancang Bandar, ahli sejarah dan lain – lain. Warisan yang dimaksudkan dalam kamus Oxford ialah sesuatu yang akan atau telah diwarisi yang mana akan melibatkan dua pihak iaitu generasi lepas dan generasi yang akan datang.

Warisan meliputi bangunan dan monumen yang mempunyai nilai sejarah, senibina, tapak warisan dan juga keunikan budaya masyarakat tempatan. Dalam konteks kajian, kawasan warisan akan dibuat persempadanan semula bagi memberi imej dan maklumat yang jelas kepada orang ramai termasuk pelancong. Negeri perak merupakan salah satu negeri di Malaysia yang mempunyai banyak kawasan warisan. Warisan yang